

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
[BATANG SADONG]
TARIKH : 26 NOVEMBER 2018 (ISNIN)

SOALAN NO. 8

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian akan melaksanakan sistem kuota 30% wanita di parlimen dan juga Dewan-Dewan Undangan Negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian tidak meletakkan dasar 30 peratus wanita dalam pembuat keputusan sebagai kuota tetapi ia merupakan sasaran minimum yang perlu dicapai dan dilepasi. Objektif dasar ini adalah untuk melepasi 30% dan mencapai kesaksamaan gender iaitu penglibatan sepenuhnya dan secara efektif dalam pembangunan negara.

Pelan Tindakan Pembangunan Wanita telah menggariskan wanita di peringkat pembuat keputusan dan politik sebagai salah satu sektor daripada 13 sektor yang disenaraikan. Penglibatan 30% wanita dalam kepimpinan merupakan (dengan izin) satu *critical mass* yang diterima umum oleh masyarakat antarabangsa selain untuk membangun dan mengembangkan potensi wanita.

Berdasarkan *Global Gender Gap Index 2017*, Malaysia berada pada kedudukan ke 104 daripada 144 buah negara dengan skor bagi *political empowerment* adalah 0.058 daripada skor 1. Satu skor yang amat rendah berbanding pendidikan iaitu 0.991 iaitu hampir mencapai gender pariti. Walau bagaimanapun saya percaya kedudukan Malaysia bagi skor ini akan meningkat mendadak tahun ini memandangkan Malaysia telah buat julung kalinya melantik seorang wanita sebagai Timbalan Perdana Menteri dan ini merupakan jawatan tertinggi yang pernah disandang oleh wanita Malaysia dalam politik. Di samping itu jumlah menteri wanita juga telah bertambah daripada 3 orang kepada 5 orang menteri.

Rekod terkini menunjukkan wanita sebagai Ahli Dewan Rakyat adalah seramai 32 orang daripada 222 orang iaitu 14.41% berbanding seramai 23 orang iaitu 10.4% bagi sebelum ini. Manakala untuk ahli Dewan-Dewan Undangan Negeri pula adalah seramai 57 daripada 505 orang iaitu 11.3% berbanding 58 daripada 505 kerusi DUN iaitu 11.5%. Bagi wanita dalam Dewan Negara pula keanggotaan, sekarang merupakan 13 orang wanita berbanding 67 orang iaitu 19.4%.

SOALAN NO. 8

Inisiatif bagi meningkatkan peratusan wanita dalam bidang politik adalah satu inisiatif yang harus digalas bersama oleh semua komponen parti-parti politik. Mandat yang diberikan kepada wanita dalam mewakili suara rakyat yang diwakili tidak kira di peringkat Dewan undangan Negeri (DUN) mahupun Parlimen merupakan satu lembaran baru dalam arena politik di Malaysia.

Saya berharap wanita-wanita yang memegang portfolio dalam kerajaan juga dapat menunjukkan contoh yang terbaik daripada segi prestasi dan integriti supaya Kerajaan dan rakyat akan terus memberi mandat kepada wanita di masa hadapan.

Bagi meningkat penglibatan berterusan wanita di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, parti-parti politik yang merupakan *stakeholders* utama perlu terus mengambil perhatian dan melaksanakan strategi terutama ketika proses pencalonan dengan menggalakkan lebih ramai calon wanita yang bertanding dan mengembangkan potensi wanita di peringkat akar umbi untuk digilap menjadi pemimpin masa hadapan.